- b. In accordance with standards of good medical practice, consistent with current standard of professional medical care, and of proven medical benefits,
- c. Not for the convenience of the Person Covered or the Physician, and unable to be reasonably provided out of hospital,
- d. Not of an experimental, investigational or research nature, preventive or screening nature,
- e. The charges are fair, reasonable and customary for the Disability.

“Sickness” or “Disease” or “Illness” shall mean a physical condition marked by a pathological deviation from the normal healthy state.

“Specified Illnesses” shall mean the following and its related complications:

- a. Hypertension, diabetes mellitus and cardiovascular Disease.
- b. All tumours, cancers, cysts, nodules, polyps, stones of the urinary system and biliary system.
- c. All ear, nose (including sinuses) and throat conditions.
- d. Hernias, haemorrhoids, fistulae, hydrocele, varicocele.
- e. Endometriosis including disease of the reproduction system.
- f. Vertebro-spinal disorders (including disc) and knee conditions.

“Supplementary Certificate” shall mean this Group Hospital Daily Income Supplementary Certificate.

“Waiting Period” shall mean the period of time between the effective date of this Supplementary Certificate and the beginning of a Person Covered's symptoms of the Illness, after which the Person Covered is eligible for the benefit described herein.

PART II - BENEFITS

Section 1 – Hospital Daily Income Benefit

Whilst the Certificate of Takaful is in force, upon receipt of due proof and subject to the provisions of this Supplementary Certificate / Certificate of Takaful, if the Person Covered is confined in a Hospital on the recommendation of a Physician due to Illness or Injury, the Takaful Operator will pay a daily Hospitalisation benefit as shown in the Schedule of Benefits for each Day of Hospital Confinement, subject to a maximum of one hundred and twenty (120) Days per Certificate Year of the Certificate of Takaful.

This benefit is payable from the GFRIA and is guaranteed.

Section 2 – Payment of the Benefit

The payment of any benefits under this Supplementary Certificate will be made to:

- a. The Participant for scheme with permissible Takaful interest; or
- b. The Member for scheme without permissible Takaful interest.

Section 3 – Exclusion

This Supplementary Certificate shall not cover any of the following occurrences:

- a. Pre-Existing Conditions, within the first twelve (12) months from the Certificate of Takaful's Effective Date except those which have been fully disclosed and accepted in writing by the Takaful Operator prior to the inception of the coverage; or
- b. Specified Illnesses occurring during the first one hundred twenty (120) days of continuous cover; or
- c. Any medical or physical conditions arising within the first thirty (30) days of continuous cover except for accidental injuries; or
- d. Plastic / cosmetic surgery, circumcision, eye examination, glasses and refraction or surgical correction of nearsightedness (Radial Keratotomy) and the use or acquisition of external prosthetic appliances or devices such as artificial limbs, hearing aids, implanted pacemakers and prescriptions thereof; or
- e. Dental conditions including dental treatment or oral surgery except as necessitated by accidental injuries to sound natural teeth occurring wholly during the coverage period of the Supplementary Certificate; or
- f. Private nursing, rest cures or sanatoria care, illegal drugs, intoxication, sterilization, venereal disease and its sequelae, AIDS (Acquired Immune Deficiency Syndrome) or ARC (AIDS Related Complex) and HIV (Human Immunodeficiency Virus) related diseases, and any communicable diseases requiring quarantine by law; or
- g. Any treatment or surgical operation for congenital abnormalities or deformities including hereditary conditions; or
- h. Pregnancy, childbirth (including surgical delivery), miscarriage, abortion and prenatal or postnatal care and surgical, mechanical or chemical contraceptive methods of birth control or treatment pertaining to infertility. Erectile dysfunction and tests or treatment related to impotence or sterilization; or
- i. Hospitalization primarily for investigatory purposes, diagnosis, X-ray examination, general physical or medical examinations, not incidental to treatment or diagnosis of a covered Disability or any treatment which is not Medically Necessary and any preventive treatments, preventive medicines or examinations carried out by a Physician, and treatments specifically for weight reduction or gain; or
- j. Attempted suicide or intentionally self-inflicted Injury while sane or insane; or
- k. War or any act of war, declared or undeclared, criminal or terrorist activities, active duty in any armed forces, direct participation in strikes, riots and civil commotion or insurrection; or
- l. Ionising radiation or contamination by radioactivity from any nuclear fuel or nuclear waste from process of nuclear fission or from any nuclear weapons material; or
- m. Expenses incurred for donation of any body organ by the Person Covered and costs of acquisition of the organ including all costs incurred by the donor during organ transplant and its complications; or
- n. Investigation and treatment of sleep and snoring disorders, hormone replacement therapy and alternative therapy such as treatment, medical service or supplies, including but not limited to chiropractic services, acupuncture, acupressure, reflexology, bonesetting, herbalist treatment, massage or aromatherapy or other alternative treatment; or
- o. Psychotic, mental or nervous disorders, (including any neuroses and their physiological or psychosomatic manifestations); or
- p. Costs/expenses of services of a non-medical nature, such as television, telephones, telex services, radios or similar facilities, admission kit / pack and other ineligible non-medical items; or
- q. Sickness or Injury arising from racing of any kind (except foot racing), hazardous sports such as but not limited to skydiving, water skiing, underwater activities requiring breathing apparatus, winter sports, professional sports and illegal activities; or
- r. Private flying other than as a fare-paying passenger in any commercial scheduled airlines licensed to carry passengers over established routes; or
- s. Expenses incurred for sex changes.

PART III - SUPPLEMENTARY PROVISIONS

Section 1 – Notice of Claim

Written notice of claim must be given within thirty (30) days after the date of commencement of Hospital Confinement.

Failure to give notice within such time shall not invalidate any claim if it shall be shown not to have been reasonably possible to give such notice and the notice was given as soon as was reasonably possible.

Section 2 – Proof of Hospitalisation

Proof of Hospitalisation in such forms as the Takaful Operator prescribes must be furnished to the Takaful Operator at the expense of the Person Covered within thirty (30) days following discharge from the Hospital.

Section 3 – Waiting Period

A Waiting Period of thirty (30) days shall be applied, except for a covered Accident which is not subject to Waiting Period.

Section 4 – Termination

The Takaful coverage in respect of any Person Covered under this Supplementary Certificate shall automatically be terminated on the earliest of the following:

- a. On the date the Certificate of Takaful to which this Supplementary Certificate is attached is terminated, surrendered or matured; or
- b. On the date this Supplementary Certificate is terminated or expired; or
- c. Upon written notice of termination of the Master Certificate by the Participant / Takaful Operator.

Termination of this Supplementary Certificate will have no effect on any claim arising prior to such termination. The Contribution made or acceptance of any Contribution after termination of this Supplementary Certificate shall not create any liability of the Takaful Operator. However, the Takaful Operator shall return any such Contribution.

Section 5 – Contribution

Contributions are to be made by the Person Covered / Participant in the frequency as specified in Schedule A. The first Contribution shall be made on the Certificate of Takaful's Effective Date and after that on every Contribution Due Date.

Section 6 – Change of Contribution and Tabarru' upon Anniversary

The Contribution and Tabarru' amounts are not guaranteed and may be revised upon anniversary of the Certificate of Takaful. The Takaful Operator reserves the right to revise the Contribution or Tabarru' on any Certificate of Takaful upon anniversary when the risks being covered under the Master Certificate have substantially increased, provided the Takaful Operator notify the Participant / Person Covered in writing accompanied with notification letter detailing the valid reason of such change at least sixty (60) days in advance before the anniversary of Certificate of Takaful.

Section 7 – Terms and Conditions

Other than as expressly mentioned above, all other terms, conditions and provisions of the Master Certificate shall apply to this Supplementary Certificate.

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk menyertai Takaful Protect+. Sila pastikan anda telah membaca terma umum dan syarat.

Pelan: Takaful Protect+ (YGMB)
Tarikh: 1/2/2024

1. Apakah produk ini?

Takaful Protect+ ialah Pelan Takaful Keluarga Berkelompok dengan caruman yang boleh diperbaharui setiap tahun yang menyediakan perlindungan dan simpanan. Pelan ini memberikan manfaat Kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) akibat Semua Sebab atau Sebab Semula Jadi, Khairat Kematian dan manfaat pilihan lain yang terpilih. Ia juga direka bentuk dengan Manfaat Tunai Terkumpul (MTT) yang perlu dibayar apabila sijil matang atau ditamatkan disebabkan oleh penyerahan atau tuntutan.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **TAKAFUL**

Ia bermaksud satu konsep saling membantu antara Orang Yang Dilindungi yang bersetuju untuk memberi caruman kepada Akaun Pelaburan Risiko Keluarga Kumpulan (APRKK) untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang akan dibayar kepada Orang Yang Dilindungi yang menyertai apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.

- **WAKALAH**

Ia bermaksud konsep Syariah di mana wakil dilantik bagi menjalankan dan menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, ia bermaksud Peserta melantik Pengendali Takaful untuk menguruskan urusan caruman Takaful dengan caj Yuran Wakalah yang telah dipersetujui.

- **TABARRU'**

Ia bermaksud sumbangan dan dalam Takaful ia bermakna jumlah wang yang disumbangkan oleh Orang Yang Dilindungi ke Akaun Pelaburan Risiko Keluarga Kumpulan (APRKK) berdasarkan kontrak sumbangan.

- **QARD**

Ia bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful jika berlakunya defisit terhadap APRKK.

- **HIBAH¹**

Ia bermaksud hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah boleh diguna pakai dalam pengagihan lebihan. Sekiranya terdapat pengagihan lebihan yang diisytiharkan daripada APRKK pada akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan akan dikongsi dengan Orang Yang Dilindungi yang layak berdasarkan kontrak Hibah (hadiah).

- **JU'ALAH**

Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan APRKK di mana Pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada pengagihan lebihan APRKK selepas akhir tahun kewangan.

¹Hanya untuk Orang Yang Dilindungi yang tidak membuat tuntutan dan/atau tidak menerima sebarang manfaat di bawah setiap jenis perlindungan di bawah Sijil Takaful.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Manfaat	Jumlah Perlindungan	Keterangan Manfaat
Manfaat Kematian	RM 65,000 seunit	Sekiranya berlaku Kematian kepada Orang Yang Dilindungi akibat Semua Sebab/ Sebab Semula Jadi, Jumlah Perlindungan Manfaat Kematian dan nilai Dana Manfaat Tunai Berkumpul (MTT), jika ada, setelah ditolak sebarang jumlah tertunggak terhadap Pengendali Takaful, akan dibayar.
Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK)	RM 65,000 seunit	Sekiranya berlaku Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK) kepada Orang Yang Dilindungi akibat Semua Sebab/ Sebab Semula Jadi, Jumlah Perlindungan HUKK berkaitan dengan Orang Yang Dilindungi dan nilai Dana Manfaat Tunai Berkumpul (MTT), jika ada, setelah ditolak sebarang jumlah tertunggak terhadap Pengendali Takaful, akan dibayar. Pembayaran Manfaat HUKK akan mengurangkan Manfaat Kematian sebanyak jumlah pembayaran Manfaat HUKK yang dibuat.
Manfaat Khairat Kematian	RM 2,000 setiap Orang Yang Dilindungi RM 2,000 setiap Pasangan RM 1,000 setiap Anak	Sekiranya berlaku kematian mana-mana Orang Yang Dilindungi atau Tanggungan (Sehingga bilangan maksimum Pasangan atau Anak yang ditawarkan dibawah skim ini), Jumlah Perlindungan Manfaat Khairat Kematian akan dibayar.

Manfaat Tambahan Kumpulan:

Manfaat	Jumlah Perlindungan	Keterangan Manfaat
Manfaat <i>Accelerated Critical Illness (CI)</i>	RM 60,000 seunit	Sekiranya Orang Yang Dilindungi didiagnosis dengan mana-mana daripada 51 CI yang dilindungi, Jumlah Perlindungan Manfaat <i>Accelerated CI</i> akan dibayar. Pembayaran Manfaat <i>Accelerated CI</i> akan mengurangkan Manfaat Kematian sebanyak jumlah pembayaran Manfaat <i>Accelerated CI</i> yang dibuat.
Manfaat <i>Hospital Daily Income (HDI)</i>	RM 60 sehari	Sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan sebagai pesakit ke dalam hospital akibat penyakit atau kecederaan, manfaat harian tetap yang setara dengan Jumlah Perlindungan Manfaat <i>Hospital Income Daily</i> akan dibayar, tertakluk kepada maksimum 120 hari setahun.

Nota:

- Penerangan mengenai manfaat ini hanyalah ringkasan untuk rujukan cepat dan mudah. Sila rujuk sijil untuk terma dan syarat menyeluruh di bawah sijil ini.
- Sebaik sahaja Jumlah Perlindungan Manfaat Kematian dibayar sepenuhnya, Sijil Takaful akan ditamatkan.

4. Berapakah caruman yang perlu Peserta/ Orang Yang Dilindungi carumkan?

Caruman yang perlu dibuat: RM 21.22 bulanan

- Caruman perlu dibuat secara **bulanan** dan ianya TIDAK DIJAMIN. Caruman ditentukan berdasarkan jumlah perlindungan Orang Yang Dilindungi. Jumlah tersebut akan bergantung pada purata umur, jantina, kelas pekerjaan dan perlindungan yang dipilih berdasarkan profil kumpulan, serta keputusan pengunderaitan dan akan digunakan bagi tujuan bantuan bersama.
- Caruman yang dibuat akan menyumbang kepada kedua-dua elemen simpanan dan perlindungan, e.g. manfaat kematian. Sekiranya anda sedang mencari sijil takaful yang mempunyai elemen simpanan, anda boleh membuat perbandingan antara pulangan sijil ini dengan pulangan efektif alternatif pelaburan yang lain.
- Pengendali Takaful berhak untuk menyemak semula Caruman atau Tabarru' pada mana-mana ulang tahun Sijil Takaful atau menamatkan keseluruhan skim apabila risiko-risiko yang dilindungi dibawah Sijil Induk telah meningkat atau tidak lagi boleh bertahan. Pengendali Takaful harus memaklumkan Peserta / Orang Yang Dilindungi melalui surat notifikasi merangkumi sebab perubahan sekurang-kurangnya enam puluh (60) hari terdahulu.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar oleh Peserta/ Orang Yang Dilindungi?

Jenis	Jumlah
Yuran Wakalah*	24% daripada Caruman keseluruhan atau RM5.09
Kos Pengagihan Langsung (Komisen)	10% daripada Caruman keseluruhan atau RM2.12

*Yuran Wakalah adalah termasuk komisen.

Tabarru'

Tabarru' akan dicaj berdasarkan jumlah perlindungan Orang Yang Dilindungi. Jumlah tersebut bergantung pada purata umur, jantina, kelas pekerjaan dan perlindungan yang dipilih berdasarkan profil kumpulan, serta keputusan pengunderaitan dan akan digunakan bagi tujuan bantuan bersama.

6. Apakah syarat dan terma utama yang harus Peserta/ Orang Yang Dilindungi ketahui?

- Cukai – Segala caruman dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin dikenakan cukai atau sebarang levi kerajaan.
- Kepentingan membuat pendedahan – anda bertanggungjawab untuk mengambil langkah munasabah untuk tidak membuat salah nyata terhadap kami. Maka, jika anda dikehendaki menjawab soal selidik untuk tujuan pengunderaitan, anda hendaklah mendedahkan semua fakta material berkaitan Orang Yang Dilindungi tetapi tidak terhad kepada keadaan perubatan, pekerjaan dan pernyataan umur yang betul. Sekiranya terbukti terdapat penyembunyian fakta material dan ianya merupakan penipuan yang disengajakan atau sengaja ditinggalkan, hanya remedi dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.
- Tempoh Bertenang – anda boleh membatalkan sijil ini dengan memberitahu kami secara bertulis dalam tempoh lima belas (15) hari selepas penghantaran sijil. Caruman yang telah dilakukan (ditolak sebarang pembiayaan perubatan yang ditanggung) akan dipulangkan kepada anda.
- Tempoh Ihsan Caruman – anda mempunyai tempoh ihsan caruman selama tiga puluh (30) hari selepas Tarikh Akhir Caruman untuk membuat sebarang caruman selepas caruman pertama dibuat, yang mana dalam tempoh ini Sijil Takaful masih berkuat kuasa.
- Tempoh Ihsan Perlindungan – anda mempunyai tempoh ihsan perlindungan selama tiga puluh (30) hari daripada tarikh Caruman perlu dibuat akan dibenarkan untuk mendapatkan perlindungan bagi kejadian yang berlaku tertakluk kepada peruntukan Sijil Induk.
- Caruman Tidak Dibuat - Sekiranya terdapat mana-mana Caruman tertunggak pada akhir Tempoh Ihsan Caruman, Pengendali Takaful akan menggunakan Dana MTT Orang Yang Dilindungi untuk membuat Caruman berdasarkan mod caruman untuk mengekalkan Sijil Takaful berkuat kuasa. Sekiranya baki Dana MTT tersebut adalah tidak mencukupi untuk membuat Caruman tersebut, Sijil Takaful akan luput selepas Tempoh Ihsan Perlindungan.
- Dokumen ini diterjemahkan daripada versi Bahasa Inggeris dan sekiranya terdapat ketidakselarasan antara versi Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi terma-terma dan syarat-syarat menyeluruh di bawah sijil ini.

7. Apakah pengecualian utama bagi sijil ini?

- **Manfaat Kematian / Khairat Kematian**
 - a. Bunuh diri, semasa waras atau tidak waras, dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Takaful. Liabiliti Pengendali Takaful adalah terhad kepada membayar balik keseluruhan Caruman yang dibuat; atau
 - b. Keadaan Sedia Ada, dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Takaful kecuali bagi yang telah mendedahkan sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan berkuat kuasa. Liabiliti Pengendali Takaful adalah terhad kepada membayar balik nilai Dana MTT berserta dengan Tabarru' yang belum diperolehi dan Yuran Wakalah yang belum diperolehi, jika ada.
- **Manfaat Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal**
 - a. Keadaan Sedia Ada, dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Berkuatkuasa Sijil Takaful kecuali bagi yang telah mendedahkan sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan berkuat kuasa; atau
 - b. Mencederakan diri sendiri semasa waras atau tidak waras; atau
 - c. Perjalanan atau penerbangan di dalam apa-apa jenis pesawat kecuali di dalam penerbangan penumpang komersial yang berjadual; atau
 - d. Sebarang aktiviti ketenteraan semasa terlibat dalam perkhidmatan tentera pada masa peperangan yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan semasa berada di bawah arahan untuk operasi berupa peperangan atau pemulihan ketenteraman awam.
- **Manfaat Accelerated Critical Illness**
 - a. Keadaan Sedia Ada, dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Takaful kecuali bagi yang telah mendedahkan sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan berkuat kuasa; atau
 - b. Kejadian yang Dilindungi yang mana tanda dan gejala telah wujud sebelum atau semasa tempoh menunggu yang akan mendorong orang yang waras untuk mendapatkan rawatan atau rawatan perubatan, walaupun diagnosis yang terhasil mungkin berlaku sebelum atau selepas tamat Tempoh Menunggu:-
 - i. Dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh berkuatkuasa Sijil Tambahan ini bagi
 - Kanser; atau
 - Pembedahan Pintasan Arteri Koronari; atau

- Serangan Jantung; atau
 - Penyakit Arteri Koronari Serius;
 - ii. Dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh berkuatkuasa Sijil Tambahan ini, bagi semua Penyakit Kritikal lain; atau
 - c. Apa-apa kecederaan atau penyakit yang secara langsung atau tidak langsung, sepenuh atau sebahagiannya, disebabkan oleh perbuatan sendiri sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman, salah guna alkohol dan/atau pengambilan dadah yang disengajakan melainkan di bawah arahan pengamal perubatan berdaftar.
- **Manfaat Hospital Daily Income**
 - a. Keadaan Sedia Ada, dalam tempoh dua belas (12) bulan pertama dari Tarikh Berkuat Kuasa Sijil Takaful kecuali bagi yang telah mendedahkan sepenuhnya dan diterima secara bertulis oleh Pengendali Takaful sebelum perlindungan berkuat kuasa; atau
 - b. Penyakit Tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan; atau
 - c. Apa-apa keadaan perubatan atau fizikal yang berlaku dalam tempoh tiga puluh (30) hari pertama perlindungan berterusan kecuali kecederaan disebabkan kemalangan; atau
 - d. Percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
 - e. Perang atau apa-apa tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau penderhakaan tentera.

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk sijil bagi terma-terma dan syarat-syarat menyeluruh di bawah sijil ini.

8. Bolehkah Peserta/ Orang Yang Dilindungi membatalkan sijil ini?

Ya, anda boleh membatalkan sijil ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Dana Manfaat Tunai Terkumpul (MTT) berserta dengan Tabarru' yang belum diperolehi dan Yuran Wakalah yang belum diperolehi, jika ada, akan dibayar apabila anda membatalkan sijil sebelum tempoh matang. Jumlahnya mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang telah anda buat.

9. Apakah yang perlu Peserta/ Orang Yang Dilindungi lakukan jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan mereka?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami tentang sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda untuk memastikan semua alamat surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh menulis atau menghantar e-mel kepada kami di alamat atau e-mel yang dinyatakan di bawah.

10. Di manakah Peserta/ Orang Yang Dilindungi boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut mengenai takaful keluarga, sila layari www.mycoverage.my.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan perlindungan anda, sila hubungi kami di:

Zurich Takaful Malaysia Berhad
Level 23A, Mercu 3,
No. 3 Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur

Tel : 03-2109 6000
Fax : 03-2019 6888
E-mel : callcentre@zurich.com.my

11. Jenis perlindungan takaful keluarga lain yang serupa

Anda boleh menghubungi Pengendali Takaful / pengantara bagi pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Pengendali Takaful.

NOTA PENTING:

PENYERTAAN DALAM PELAN TAKAFUL KELUARGA MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA HARUS MEMILIH JENIS SIJIL YANG BERSesuaian DENGAN KEADAAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA TAKAFUL ATAU MENGHUBUNGI KAMI UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Zurich Takaful Malaysia Berhad didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang disediakan dalam pemberitahuan produk ini adalah sah pada [1/2/2024](http://www.zurich.com.my).

Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)

Group Personal Accident

Sijil Induk



Kontrak Takaful Pengguna

Sijil dikeluarkan sejajar dengan caruman yang dibuat yang ditentukan dalam **Sijil Takaful** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa **Orang Yang Dilindungi** membuat permohonan takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Orang Yang Dilindungi** pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa **Orang Yang Dilindungi** membuat permohonan takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Orang Yang Dilindungi** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara **Orang Yang Dilindungi** dan pihak **Kami**. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata semasa pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Orang Yang Dilindungi** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Orang Yang Dilindungi**, hanya remedi yang terdapat dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan diguna pakai.

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara **Orang Yang Dilindungi** dan pihak **Kami**.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna

Sijil dikeluarkan sejajar dengan caruman yang dibuat yang ditentukan dalam **Sijil Takaful** dan menurut kepada kenyataan yang telah dikemukakan di dalam borang cadangan (atau semasa **Orang Yang Dilindungi** membuat permohonan takaful ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh **Orang Yang Dilindungi** pada atau semasa penyerahan borang cadangan (atau semasa **Orang Yang Dilindungi** membuat permohonan takaful ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Orang Yang Dilindungi** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak takaful antara **Orang Yang Dilindungi** dan pihak **Kami**. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pada pra-kontrak berhubung dengan jawapan **Orang Yang Dilindungi** atau di mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Orang Yang Dilindungi**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Orang Yang Dilindungi**.

Sijil ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak takaful seperti yang telah dipersetujui antara **Orang Yang Dilindungi** dan pihak **Kami**.

Sekiranya Dana Takaful Am (**DTA**), mempunyai baki yang tidak mencukupi untuk membayar manfaat Takaful **Anda** dalam **Tempoh Perlindungan**, **Kami** akan menampung baki dalam **DTA** di bawah prinsip Qard dengan syarat kekurangan tersebut bukan disebabkan kecuaiian **Kami**. Jika kekurangan itu adalah disebabkan oleh kecuaiian **Kami**, **Kami** akan membuat pindahan secara langsung untuk menampung kekurangan tersebut. **Anda** selanjutnya bersetuju bahawa lebih masa depan **Anda** yang diperolehi daripada **DTA** dalam **Tempoh Perlindungan Anda** boleh digunakan untuk membayar tunggakan Qard dalam **DTA** (jika ada) kepada **Kami**.

KONSEP SHARIAH

Takaful: Suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.

Wakalah: Kontrak perwakilan di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.

Tabarru': Ia adalah caruman daripada peserta kepada Dana Takaful Am (**DTA**), di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.

Hibah: Adalah hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga boleh diguna pakai dalam transaksi lain seperti perkongsian lebihan, di mana manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berasaskan Hibah Bersyarat.

Ju'alah: Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Takaful Am (**DTA**), di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Dana Takaful Am (**DTA**), pada akhir setiap tahun kewangan.

Qard: Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Dana Takaful Am (**DTA**).

DEFINISI

Terdapat beberapa perkataan tertentu yang ditakrifkan seperti yang di bawah. Perkataan ini mempunyai maksud yang sama apabila digunakan dalam sijil induk ini. Perkataan ini telah **ditebalkan** dan bermula dengan huruf besar (contoh: **Orang Yang Dilindungi**, **Anda**)

Kemalangan

bermaksud kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga dalam **Tempoh Per**.

Tindakan Keganasan

bermaksud suatu tindakan, termasuk penggunaan kekerasan atau keganasan, mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak secara perseorangan atau bagi pihak atau berkaitan hubungan dengan mana-mana organisasi, untuk tujuan politik, agama atau ideologi termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau membuatkan orang awam dalam ketakutan.

Kecederaan Badan

bermaksud kecederaan secara tunggal dan langsung akibat **Kemalangan** dan tidak termasuk kecederaan yang diakibatkan oleh sebarang penyakit, kesakitan atau masalah kesihatan.

Sijil Takaful

mengandungi butiran-butiran **Anda**, pelan yang telah dipilih, jumlah yang dilindungi dan **Tempoh Perlindungan**.

Pemilik Sijil

bermaksud Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB).

Jadual Sijil

bermaksud Jadual Sijil yang mengandungi butir-butir **Pemilik Sijil**, jumlah yang dilindungi dan **Tempoh Takaful**. Jadual Sijil membentuk sebahagian daripada sijil induk ini.

Tarikh Mula

bermaksud tarikh perlindungan takaful di dalam sijil induk ini mula berkuat kuasa seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful**.

Hospital

bermaksud pertubuhan yang ditubuhkan dan didaftarkan sewajarnya sebagai hospital untuk penjagaan dan rawatan orang yang sakit dan cedera sebagai pesakit berbayar, dan yang: -

- i. mempunyai kemudahan untuk diagnosis dan pembedahan utama;
- ii. menyediakan khidmat kejururawatan dua puluh empat (24) jam sehari oleh jururawat yang berdaftar dan berkecualian;
- iii. di bawah penyeliaan **Pengamal Perubatan**; dan
- iv. bukan klinik, tempat untuk orang ketagih alkohol dan dadah, pusat jagaan atau rumah pemulihan atau rumah orang tua atau pertubuhan yang serupa.

Penghospitalan

bermaksud dimasukkan ke **Hospital** sebagai pesakit dalam yang berdaftar untuk rawatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** bagi kejadian yang dilindungi atas cadangan **Pengamal Perubatan**. Pesakit tidak boleh dianggap sebagai pesakit dalam jika pesakit tidak tinggal di **Hospital** secara fizikal sepanjang tempoh dimasukkan ke **Hospital**.

Kehilangan Pendengaran

bermaksud kehilangan pendengaran secara kekal dan tidak boleh dipulihkan.

Kehilangan Anggota Badan

bermaksud kehilangan akibat pemisahan secara fizikal pada atau di atas pergelangan tangan atau sendi buku lali.

Kehilangan Penglihatan

bermaksud kehilangan penglihatan yang tidak dapat dipulihkan secara keseluruhan dan kekal.

Kehilangan Upaya Bertutur

bermaksud ketidakupayaan kekal dan menyeluruh untuk berkomunikasi secara lisan.

Kehilangan Penggunaan

bermaksud kehilangan upaya fungsian secara menyeluruh dan kekal dan dianggap sebagai kehilangan seluruh anggota badan atau organ tersebut dan bukan dari segi ketidakupayaan profesional atau pekerjaan **Anda**.

Perlu Dari Segi Perubatan

bermaksud khidmat perubatan yang: -

- i. selaras dengan diagnosis dan rawatan perubatan biasa bagi kejadian yang dilindungi;
- ii. menurut piawai amalan perubatan yang baik, selaras dengan piawai semasa bagi rawatan perubatan profesional, juga dengan manfaat kesihatan yang sah;
- iii. bukan untuk kemudahan **Anda** atau **Pengamal Perubatan**, dan tidak dapat diperoleh sewajarnya di luar **Hospital** (jika dimasukkan ke wad sebagai pesakit dalam);
- iv. bukan berbentuk eksperimen, penyelidikan atau kajian, pencegahan atau penyaringan; dan
- v. yang bayarannya berpatutan, munasabah dan biasa bagi rawatan itu.

Orang Yang Dilindungi/ Anda

bermaksud Orang Yang Dilindungi dan dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

Barangan Peribadi

bermaksud barang peribadi yang boleh dikira secara monetari (tidak termasuk wang tunai), yang **Anda** miliki dan berada dalam simpanan **Anda** pada masa **Kecurian Ragut**.

Tempoh Perlindungan

bermaksud tempoh masa **Anda** diberikan perlindungan seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful**.

Tempoh Takaful

bermaksud tempoh sijil induk seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil**.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal

bermaksud hilang upaya yang disebabkan semata-mata secara langsung dan bebas daripada semua sebab lain kecuali akibat **Kecederaan Badan** serta berlaku dalam tempoh tiga ratus enam puluh lima (365) hari berturut-turut dan kemungkinan besar mencegah **Anda** secara sepenuhnya daripada melakukan sebarang pekerjaan untuk seumur hidup dan yang mana tiada harapan untuk sembuh.

Pengamal Perubatan

bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang layak dan berlesen:

- i. untuk mengamalkan perubatan barat dan yang, semasa memberikan rawatan tersebut, mengamalkannya mengikut skop pelesenan dan latihannya di bawah mana-mana undang-undang yang terpakai dalam kawasan amali geografi, dan
- ii. tidak termasuk **Anda** atau ahli keluarga terdekat **Anda**, contoh adik-beradik, suami/isteri, anak atau ibu bapa.

Keadaan Sedia Ada

bermaksud ketidakupayaan yang sewajarnya diketahui oleh **Anda** sebelum tarikh mula **Tempoh Perlindungan**. **Anda** dianggap wajar mengetahui

tentang keadaan sedia ada itu apabila:-

- Anda** telah atau sedang menerima rawatan;
- nasihat perubatan, diagnosis, penjagaan atau rawatan telah diberikan atau dicadangkan;
- gejala yang jelas dan ketara dapat atau telah dilihat; atau
- Anda** mengetahui kewujudannya yang mana adalah jelas kepada orang yang berfikir waras.

RM

bermaksud dalam Ringgit Malaysia; mata wang Malaysia.

Kecurian Ragut

bermaksud perbuatan jenayah mencuri atau percubaan mencuri daripada **Anda** termasuk merebut ragut.

Penyakit

hendaklah bermaksud keadaan fizikal yang ditunjukkan dari segi patologi berbeza daripada keadaan kesihatan yang normal. Penyakit termasuk kesakitan dan sakit.

Cukai

bermaksud sebarang cukai, levi atau duti langsung atau tidak langsung, masa kini atau masa depan, termasuk cukai penggunaan atau sebarang cukai seperti yang dikenakan ke atas barangan dan perkhidmatan oleh kerajaan atau pihak berkuasa cukai.

Peperangan

bermaksud suatu aktiviti kekerasan antara dua (2) atau lebih negara, yang dijalankan bagi sebarang tujuan, atau konflik bersenjata antara kuasa berdaulat, atau permusuhan terbuka yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan dan permusuhan terbuka atau keadaan negara di mana terdapat gangguan perhubungan aman, dan perbalahan umum menggunakan kekerasan, yang kedua-duanya dibenarkan atau tidak dibenarkan oleh pemerintahnya.

Kami

merujuk kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad.

PERLINDUNGAN

MANFAAT A – Kematian Akibat Kemalangan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan**, di mana dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan kematian, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful**.

MANFAAT B – Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan**, di mana dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut menyebabkan hilang upaya seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat, **Kami** akan membayar jumlah yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** mengikut peratusan jumlah yang dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Manfaat.

JADUAL MANFAAT

Keterangan Hilang Upaya	Peratusan Jumlah Yang Dilindungi (%)
Kehilangan Anggota Badan (dua anggota badan)	100%
Kehilangan kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua ibu jari	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlanjar sakit di katil secara kekal	100%
Tidak siaman sepenuhnya	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal	100%
Kehilangan tangan dari paras bahu	100%
Kehilangan tangan antara paras bahu dan siku	100%
Kehilangan tangan dari paras siku	100%
Kehilangan tangan antara siku dan pergelangan tangan	100%
Kehilangan tangan diparas pergelangan tangan	100%
Kehilangan kaki	100%
- di paras pinggul	100%
- diantara lutut dan pinggul	100%
- di bawah lutut	100%
Mata: Kehilangan	100%
- seluruh mata	100%
- Penglihatan	100%
- Penglihatan , kecuali bayangan cahaya	55%
- kanta	55%
Kehilangan empat (4) jari dan satu (1) ibu jari di sebelah tangan	55%
Kehilangan empat (4) jari	45%
Kehilangan ibu jari	35%
- kedua-dua falanks	20%
- satu (1) falanks	20%
Kehilangan jari telunjuk	20%
- tiga (3) falanks	15%
- dua (2) falanks	10%
- satu (1) falanks	10%
Kehilangan jari hantu	7%
- tiga (3) falanks	5%
- dua (2) falanks	8%
- satu (1) falanks	7%
Kehilangan jari manis	5%
- tiga (3) falanks	7%
- dua (2) falanks	6%
- satu (1) falanks	5%
Kehilangan jari kelengkeng	6%
- tiga (3) falanks	5%
- dua (2) falanks	6%
- satu (1) falanks	5%
Kehilangan metakarpus	6%
- pertama atau kedua (tambahan)	5%
- ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	5%

Kehilangan jari kaki	- semua falanks	25%
	- ibu jari, kedua-dua falanks	10%
	- Ibu jari, satu (1) falanks	5%
	- selain ibu jari, jika lebih daripada satu (1) jari setiap satu	4%
Kehilangan Pendengaran	- kedua-dua belah telinga	80%
	- sebelah telinga	30%
Kehilangan Upaya Bertutur		60%
Kependekan lengan	- melebihi 1" sehingga 2"	5%
	- melebihi 2" sehingga 4"	8%
	- melebihi 4"	15%
Kependekan kaki	- melebihi 1" sehingga 2"	8%
	- melebihi 2" sehingga 4"	15%
	- melebihi 4"	30%

Tahap kependekan anggota mesti disahkan menerusi laporan **Pengamal Perubatan**.

Sekiranya **Kecederaan Badan** tidak dinyatakan secara khusus, **Kami** berhak untuk mengunapakai peratusan jumlah yang dilindungi berdasarkan hilang upaya, yang pada pendapat **Kami** tidak bercanggah dengan peruntukan Jadual Manfaat di atas.

"Kehilangan" anggota badan atau sebahagian daripadanya hendaklah bermaksud sebarang kehilangan akibat pemisahan secara fizikal sebenar atau **Kehilangan Penggunaan** yang menyeluruh dan kekal.

Kehilangan Penggunaan anggota badan hendaklah dianggap sebagai kehilangan anggota badan.

Syarat-Syarat Khas yang berkenaan dengan Manfaat A dan B:

1. Agregat semua peratusan yang boleh dibayar bagi mana-mana satu (1) **Kemalangan** tidak boleh melebihi seratus peratus (100%). Sekiranya 100% telah dibayar, semua takaful di bawah ini hendaklah berhenti berkuatkuasa. Semua kehilangan lain yang kurang daripada 100%, jika dibayar, akan mengurangkan perlindungan bagi Manfaat A dan B sebanyak jumlah tersebut dari tarikh **Kemalangan** sehingga tamat **Sijil Takaful**.
2. Berhubung dengan kejadian yang sama dan yang dilindungi, sekiranya Manfaat A dibayar, maka Manfaat B tidak akan dibayar.

MANFAAT C - Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan** dan menanggung perbelanjaan perubatan yang **Perlu Dari Segi Perubatan** dalam tempoh dua belas (12) bulan yang berturut-turut dari tarikh berlakunya **Kemalangan**, **Kami** akan membayar balik perbelanjaan yang dikenakan bagi setiap **Kemalangan** sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

Segala perbelanjaan perubatan dan pembedahan hendaklah **Anda** bayar kepada doktor gigi, **Pengamal Perubatan** atau **Hospital** untuk merawat **Kecederaan Badan** tetapi tidak termasuk kos rawatan pergigian melainkan jika rawatan tersebut dijalankan bagi merawat kecederaan yang dialami oleh gigi yang asal, sihat dan tiada masalah pergigian.

MANFAAT D – Bayaran Ambulans

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan**, dan memerlukan penggunaan perkhidmatan ambulans, **Kami** akan membayar balik bayaran ambulans mengikut kos ambulans sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual Sijil** sebagai pengangkutan ke **Hospital**.

MANFAAT E – Kehilangan Barangan Peribadi Akibat Kecurian Ragut

Sekiranya **Anda** telah kehilangan **Barangan Peribadi Anda** akibat Kecurian Ragut, **Kami** akan membayar balik kehilangan **Barangan Peribadi** bagi setiap **Kemalangan** sehingga amaun maksimum seperti yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

MANFAAT F - Keguguran Akibat Kemalangan Kenderaan Bermotor

Sekiranya **Anda** mengalami **Kecederaan Badan** dan akibatnya, mengalami keguguran yang tidak disebabkan oleh kemalangan kenderaan bermotor, sama ada sebagai pejalan kaki, penumpang, pembonceng atau pemandu/penunggang, **Kami** akan membayar sehingga jumlah yang dinyatakan dalam **Sijil Takaful**.

PERUNTUKAN KHAS

- **Koma**
Setelah mendapat pengesahan oleh **Pengamal Perubatan** bahawa **Anda** telah berada dalam keadaan koma selama sekurang-kurangnya satu (1) tahun akibat **Kemalangan**, **Kami** akan membayar 100% Manfaat A – Kematian Akibat Kemalangan. Walau bagaimanapun, **Kami** mempunyai hak untuk mendapatkan pulangan pembayaran yang dibuat jika **Anda** memperoleh semula kesedaran dengan syarat potongan sebanyak 10% daripada pembayaran yang disebut di atas untuk setiap tahun **Anda** berada dalam keadaan koma.
- **Kehilangan**
Kehilangan **Anda** akan dianggap sebagai tuntutan untuk manfaat kematian akibat **Kemalangan** sekiranya sekiranya **Anda** telah hilang selama dua belas (12) bulan yang berturut-turut dan **Kami** telah memeriksa segala bukti yang ada untuk menyokong kesimpulan bahawa kematian adalah disebabkan oleh **Kemalangan** yang dilindungi oleh sijil induk ini. Jika pada bila-bila masa selepas bayaran dibuat oleh **Kami** bagi tuntutan sedemikian, **Anda** ditemui masih hidup, bayaran balik sepenuhnya hendaklah dibuat kepada **Kami**.

PENGECUALIAN (BERKENAAN DENGAN SELURUH SIJIL INDUK)

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap tuntutan yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada:

1. Penglibatan atau penyertaan **Anda** dalam: -
 - a) Anggota berpakaian seragam dan bersenjata, perkhidmatan atau operasi angkatan tentera laut atau udara;
 - b) Sukan profesional, sukan musim sejuk selain daripada meluncur ais;

- c) Memanjat batu atau mendaki gunung atau sebarang aktiviti di paras ketinggian melebihi tiga ribu (3,000) meter, meneroka gua, seni mempertahankan diri atau tinju, aktiviti dalam air yang melebihi lima puluh (50) meter dalam, aktiviti udara termasuk payung terjun, peluncuran gantung dan terjun bungee atau sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki;
 - d) Perjalanan udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam penerbangan yang diiktiraf dan dioperasikan oleh mana-mana pesawat di laluan dan perjalanan udara yang dijadualkan dan perjalanan udara oleh mana-mana pesawat yang disewa dan dilesenkan dengan sewajarnya sebagai pengangkut udara yang diiktiraf dan diterbangkan oleh krew profesional di antara lapangan terbang yang ditubuhkan dan dikendalikan dengan betul;
 - e) Perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang atau sebarang kegiatan haram;
 - f) Menunggang/memandu tanpa lesen memandu yang sah.
2. Dipengaruhi oleh alkohol atau dadah, kecuali dadah tersebut diambil atas arahan **Pengamal Perubatan** dengan syarat arahan tersebut bukan untuk merawat penagihan dadah.
 3. Pembunuhan atau serangan akibat provokasi, sengaja mencederakan diri sendiri, membunuh diri atau cubaan membunuh diri atau sebarang percubaan untuk berbuat demikian sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman.
 4. Kelahiran, keguguran, kehamilan atau sebarang komplikasi yang berkaitan kecuali semata-mata dan secara langsung oleh **Kemalangan** kepada **Anda**.
 5. Gigitan nyamuk.
 6. **Penyakit**, kesakitan atau sebarang masalah Kesihatan.
 7. **Keadaan Sedia Ada**.
 8. Sengaja mendedah kepada bahaya yang luar biasa (kecuali dalam usaha untuk menyelamatkan nyawa manusia).
 9. HIV (Virus Kurang Daya Ketahanan Manusia) dan/atau sebarang penyakit berkaitan dengan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau Kompleks Berkaitan AIDS (ARC), namun disebabkan dan/atau sebarang derivatif mutan, variasi atau rawatan yang disebabkan olehnya.
 10. Penyertaan secara langsung dalam rusuhan atau kekecohan awam, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada **Peperangan** diisytiharkan atau tidak), pemberontakan, revolusi, kebangkitan, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
 11. Radiasi pengionan atau pencemaran oleh aktiviti radio dari sebarang bahan api nuklear atau dari sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear. Bagi tujuan pengecualian ini, pembakaran hendaklah termasuk sebarang proses pembelahan nuklear sendiri.
 12. **Peperangan** atau **Peperangan** saudara – sama ada diisytiharkan atau tidak.
 13. Sebarang **Tindakan Keganasan**
 14. Sekatan - **Kami** tidak akan memberi perlindungan atau membuat apa-apa bayaran atau memberikan apa-apa perkhidmatan atau manfaat kepada mana-mana **Pemilik Sijil** atau **Anda** atau pihak lain setakat perlindungan, pembayaran, perkhidmatan dan manfaat yang mana akan melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan sekatan perdagangan atau ekonomi yang berkenaan.
 15. Wabak dan/atau pandemik.

SYARAT

1. **HAD UMUR**
Kelayakan umur untuk melayak sijil induk ini adalah dari lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun dan semua umur merujuk kepada umur **Anda** pada tarikh lahir yang berikutnya.
2. **PENGUBAHAN**
Kami berhak untuk meminda caruman, terma dan syarat sijil induk ini dan sebarang perubahan kepada sijil induk ini adalah dianggap sah jika dibenarkan oleh **Kami** dan diendoskan ke atasnya. Sekiranya perubahan ini dilaksanakan, **Kami** akan memberikan notis bertulis kepada alamat terakhir **Pemilik Sijil** yang diketahui dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pengubahan syarat dan terma sijil induk dengan alasan yang sah.
3. **PENIMBANGTARA**
Segala percanggahan yang timbul daripada sijil induk ini hendaklah dirujuk kepada seorang Penimbangtara yang perlu dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang bercanggah. Jika mereka tidak dapat bersetuju tentang siapa yang akan menjadi Penimbangtara dalam tempoh satu (1) bulan selepas mereka diperlukan secara bertulis berbuat demikian, kedua-dua pihak berhak untuk melantik seorang Penimbangtara masing-masing yang akan mendengar penjelasan bersama dengan seorang Pengadil yang dilantik oleh kedua-dua Penimbangtara. Bagaimanapun, ini tertakluk kepada syarat bahawa sebarang penolakan tanggungan oleh **Kami** terhadap sebarang tuntutan di bawah sijil induk ini mesti dirujuk kepada seorang Penimbangtara dalam tempoh dua belas (12) bulan kalendar daripada tarikh penolakan tanggungan tersebut.
4. **PENAMATAN AUTOMATIK**
Sijil induk akan tamat secara automatik pada tarikh kejadian-kejadian berikut, yang mana lebih awal: -
 - i. pada tarikh **Sijil Takaful** ditamatkan;
 - ii. pada tarikh tuntutan dibuat ke atas seratus peratus (100%) bagi Manfaat A atau B.
 - iii. sekiranya tiada caruman dibuat pada tarikh **Sijil Takaful** dikeluarkan;
 - iv. pada tarikh pembaharuan atau tarikh tamat tempoh caruman, yang mana lebih awal, sekiranya caruman yang diperlukan tidak dibuat dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh tamat Sijil Takaful.
5. **PEMBATALAN**
Kami boleh memberikan notis bertulis tujuh (7) hari tentang hasrat **Kami** untuk menamatkan sijil induk ini dan/atau **Sijil Takaful** melalui surat berdaftar ke alamat terakhir **Pemilik Sijil** atau **Anda** yang diketahui, dan sebahagian daripada caruman berkaitan dengan **Tempoh Perlindungan** yang belum tamat akan dipulangkan.

Pemilik Sijil dan/atau **Anda** boleh, pada bila-bila masa membatalkan sijil induk ini dan/atau **Sijil Takaful** dengan memberikan notis bertulis tujuh (7) hari. Walau bagaimanapun, tiada caruman yang akan dipulangkan ketika sijil induk dan/atau **Sijil Takaful** dibatalkan. Untuk mod caruman bulanan, tarikh berkuatkuasa pembatalan adalah pada tarikh tamat tempoh pembayaran seterusnya.
6. **PERTUKARAN ALAMAT ATAU SEBARANG MAKLUMAT**
Pemilik Sijil dan **Anda** hendaklah memberikan notis bertulis dengan segera kepada **Kami** sekiranya terdapat sebarang perubahan maklumat pekerjaan, perniagaan, tugas atau hobi **Pemilik Sijil** atau **Anda** dan membayar caruman tambahan yang mungkin akan dikenakan oleh **Kami**.
7. **BAYARAN TUNTUTAN**

Melainkan dinyatakan di dalam sijil induk, semua manfaat yang perlu dibayar di dalam sijil induk ini akan dibuat kepada **Anda**, kecuali sekiranya berlaku kematian **Anda**, kepada wakil peribadi sah bagi **Anda**.

8. PROSEDUR TUNTUTAN

Apabila berlaku sebarang tuntutan di bawah sijil induk ini: -

- Notis bertulis yang menyatakan butir-butir tuntutan hendaklah diberikan kepada **Kami** dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kejadian yang menyebabkan tuntutan sedemikian;
- Anda** hendaklah mendapatkan dan bertindak atas nasihat **Pengamal Perubatan** yang wajar dengan secepat mungkin;
- Segala sijil, maklumat dan keterangan yang diperlukan oleh **Kami** mestilah disediakan atas perbelanjaan pihak penuntut dalam bentuk yang ditetapkan oleh **Kami**;
- Anda** mungkin perlu menjalani pemeriksaan perubatan lanjut sebagaimana yang diperlukan oleh **Kami** atas perbelanjaan **Kami**.
- Sekiranya berlaku kematian, **Kami** berhak untuk meminta pemeriksaan bedah siasat dijalankan dan notis hendaklah diberikan kepada **Kami** sebelum pengebumian atau pembakaran mayat, menyatakan tempat dan masa untuk sebarang perbicaraan penyiasatan yang akan diadakan.

9. SYARAT SEBELUM TANGGUNGAN DITERIMA

Sebagai syarat sebelum **Kami** menerima tanggungan, **Pemilik Sijil** dan setiap **Orang Yang Dilindungi** hendaklah mematuhi dan memenuhi peraturan-peraturan, peruntukan-peruntukan dan syarat-syarat sijil induk ini dengan sewajarnya dan sejauh mana ia melibatkan sebarang perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi.

10. TEMPOH BERTENANG

Jika **Sijil Takaful** telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab sekalipun **Anda** membuat keputusan untuk tidak mengambil **Sijil Takaful**, **Anda** boleh memulangkan **Sijil Takaful** kepada **Kami** untuk dibatalkan dengan syarat **Anda** mengemukakan permintaan untuk pembatalan kepada **Kami** dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penghantaran **Sijil Takaful**. **Anda** berhak menerima pemulangan caruman penuh yang dibuat dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas **Sijil Takaful**. Sekiranya tuntutan telah dibuat, caruman tidak akan dipulangkan.

11. MATA WANG DAN KADAR PERTUKARAN

- Semua bayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- Semua caruman akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (**RM**).
- Sekiranya **Anda** dimasukkan ke dalam **Hospital** dan/atau menerima rawatan perubatan di luar Malaysia serta bil rawatan tersebut bukanlah dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**), **Kami** akan mengembalikan balik dalam nilai Ringgit Malaysia (**RM**) berdasarkan kadar pertukaran mata wang asing (Kadar pertukaran terbuka sekiranya di pasaran bebas, dan pada kadar pertukaran rasmi sekiranya bukan dalam pasaran bebas) pada tarikh **Anda** dikeluarkan dari **Hospital**.

12. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kontrak Takaful Pengguna - Apabila **Anda** telah memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan dengan perdagangan **Anda**, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan yang terdapat dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) seperti contoh, **Anda** perlu menjawab soalan dengan penuh dan tepat. Kegagalan dalam mengambil langkah munasabah dalam menjawab soalan-soalan boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda** dengan remedi di Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan perkara-perkara lain yang **Anda** tahu akan mempengaruhi keputusan pihak **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan dikenakan. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

Kontrak Takaful Bukan Pengguna - Apabila **Anda** telah memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu yang akan mempengaruhi keputusan **Kami** dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh mengakibatkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan gantirugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful **Anda**. **Anda** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Kami** dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful **Anda** ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan **Kami**, apa-apa maklumat yang diberikan di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan takaful ini) tidak tepat atau telah berubah.

13. UNDANG-UNDANG YANG BOLEH DIPAKAI

Sebarang penafsiran sijil induk ini berkaitan dengan pembinaannya, kesahan atau operasi hendaklah ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

14. TEMPOH BERTENANG

Jika **Sijil Takaful** telah dikeluarkan dan atas apa jua sebab sekalipun **Anda** membuat keputusan untuk tidak mengambil **Sijil Takaful**, **Anda** boleh memulangkan **Sijil Takaful** kepada **Kami** untuk dibatalkan dengan syarat **Anda** mengemukakan permintaan untuk pembatalan kepada **Kami** dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan **Sijil Takaful**. **Anda** berhak menerima pemulangan caruman penuh yang dibuat dengan syarat tiada tuntutan dibuat atas **Sijil Takaful**. Sekiranya tuntutan telah dibuat, caruman tidak akan dipulangkan.

15. BAHASA

Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

16. SALAH NYATA ATAU KETINGGALAN FAKTA PENTING

Jika:

- sebarang jawapan, pendedahan atau pernyataan yang **Anda** berikan, sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, dalam atau kepada mana-mana cadangan atau perakuan atau pertanyaan, yang dibuat secara sengaja atau melulu dari segenap segi; atau
- sebelum kontrak takaful ini dimeterai, diubah atau diperbaharui, **Anda** gagal mendedahkan apa-apa fakta yang **Anda** ketahui yang berkaitan dengan keputusan **Kami** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan; atau
- apa-apa tuntutan yang dibuat berbentuk penipuan atau ditokok-tambah, atau sebarang perakuan atau kenyataan palsu dibuat untuk menyokong tuntutan tersebut.

maka dalam mana-mana hal di atas, Sijil induk ini adalah batal.

17. TIDAK BOLEH MENYERAH HAK

Sijil induk ini tidak boleh diserahkan hak dan **Kami** tidak akan mengiktiraf atau mengambil kira sebarang caj amanah, lien atau penyerahan hak berkaitan dengan sijil induk ini. Sebarang penerimaan atau pelepasan yang diberikan oleh **Pemilik Sijil** atau wakil sah di sisi-sisi undang-undang kepada **Kami** untuk apa-apa jumlah yang dilindungi atau pampasan di bawah Sijil induk ini akan dianggap pelepasan muktamad dan sepenuhnya bagi semua tanggungan **Kami** terhadap sebarang dan setiap kecederaan atau kejadian luar jangka (termasuk kematian) yang dialami oleh **Anda** disebabkan tuntutan sama ada yang berlaku sebelum atau selepas tarikh penerimaan atau pelepasan tersebut.

18. NOTIS

Setiap notis atau komunikasi kepada **Kami** hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada **Kami**. Perubahan kepada terma sijil induk ini, atau sebarang pengendoursan kepadanya, tidak akan dianggap sah kecuali ditandatangani atau dipaparkan oleh wakil sah **Kami**.

19. WARANTI CARUMAN

Ia adalah syarat khusus dan mutlak bagi Sijil Induk ini bahawa caruman yang dihutang kepada **Kami** mesti dibuat dan diterima oleh **Kami** dalam masa enam puluh (60) hari dari **Tarikh Mula**. Jika syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Induk ini akan dibatalkan secara automatik dan **Kami** berhak menerima caruman prorata bagi tempoh **Kami** memberikan perlindungan kepada **Orang Yang Dilindungi**. Bagi caruman yang diterima oleh ejen sah **Kami**, caruman dianggap diterima oleh **Kami** untuk tujuan waranti ini. Tanggungjawab untuk membuktikan caruman diterima oleh seseorang, termasuk ejen takaful yang tidak dibenarkan menerima caruman tersebut, terletak pada **Kami**. Tertakluk kepada terma dan syarat Sijil Induk ini.

20. CUKAI

Semua caruman dan yuran yang perlu dibuat di dalam sijil induk mungkin dikenakan **Cukai**. Jika dikenakan, **Cukai** akan dinyatakan dalam invois dan **Kami** berhak untuk menuntut atau mengutip **Cukai** daripada **Anda** selain daripada caruman dan/atau yuran yang perlu dibuat di dalam sijil induk ini.

21. HAD WILAYAH

Dalam Malaysia sahaja.

22. Mengikut kesesuaian konteks, perkataan yang merujuk nombor tunggal hendaklah termasuk kata gandaan dan sebaliknya dan perkataan yang merujuk jantina lelaki hendaklah termasuk wanita dan jantina neuter dan perkataan yang merujuk kepada perseorangan hendaklah termasuk badan korporat.

PENAMAAN

Penamaan bermaksud proses **Anda** melantik individu untuk menerima manfaat takaful sekiranya berlaku kematian terhadap **Anda** pada bila-bila masa selepas **Sijil Takaful** dikeluarkan. Penamaan adalah bersyarat dan boleh dibatalkan oleh **Anda** pada bila-bila masa sepanjang tempoh takaful dan hanya akan berkuat kuasa dari tarikh **Kami** terima notis bertulis.

Penama adalah orang yang dilantik untuk menerima manfaat takaful sama ada sebagai benefisiari (penerima yang dimaksudkan) atau sebagai wasi (pelaksana).

Penama yang dilantik sebagai benefisiari akan menerima manfaat takaful melalui kontrak hibah bersyarat, dan manfaat takaful di bawah **Sijil Takaful** ini dikecualikan daripada undang-undang perwarisan yang terpakai.

Penama yang dilantik sebagai Wasi mestilah mencapai umur lapan belas (18) tahun, akan menerima manfaat takaful sebagai pentadbir, bertanggungjawab untuk mengagihkan manfaat takaful mengikut undang-undang Islam (faraid) atau Akta Pembahagian.

Pembayaran manfaat takaful akan dibuat mengikut Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 (PDPA)

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, berkuat kuasa ke atas **Kami**. **Anda** boleh membuat pertanyaan, aduan, permintaan mengakses, mengemas kini, membetulkan atau mengubah mana-mana data peribadi, menghadkan pemprosesan data peribadi dan/atau untuk memilih keluar daripada penggunaan **Kami** pada bila-bila masa selepas ini dengan mengemukakan permintaan tersebut kepada **Kami** dengan menghantar e-mel ke callcentre@zurich.com.my. Permintaan untuk memilih keluar mesti menyatakan dengan jelas nama penuh, nombor dokumen pengenalan, nombor sijil, nombor telefon dan alamat orang yang membuat permintaan tersebut. Pemprosesan data peribadi **Anda** tertakluk kepada Notis Perlindungan Data Peribadi **Kami**, seperti yang diterbitkan di <https://www.zurich.com.my/pdpa>.

PERKONGSIAN LEBIHAN

Kami akan menguruskan caruman takaful **Anda** dengan mengenakan Yuran Wakalah seperti yang diluluskan oleh pihak berkuasa kawal selia di bawah prinsip Wakalah, dan seterusnya melabur ke dalam dana Takaful melalui Dana Takaful Am (DTA). Jika pada akhir **Tempoh Perlindungan** yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** yang dilampirkan kepada sijil induk, terdapat lebih bersih dalam DTA, lebih bersih akan dikongsi secara seimbang pada nisbah 50:50 di antara **Kami** / Pengendali Takaful dan **Orang Yang Dilindungi** yang tidak membuat sebarang tuntutan dan/atau menerima sebarang manfaat di bawah kelas risiko sama seperti yang dinyatakan di dalam **Sijil Takaful** tersebut selagi sijil induk berkuat kuasa.

Semua **Orang Yang Dilindungi** runcit yang tidak membuat sebarang tuntutan dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk pengagihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Semua **Orang Yang Dilindungi** korporat yang tidak membuat sebarang tuntutan melebihi tiga puluh (30%) peratus daripada caruman kasar dalam tempoh perlindungan terdahulu layak untuk menerima agihan lebihan. Sijil dan caruman mestilah untuk tempoh Takaful satu (1) tahun dan telah tamat pada akhir tahun kewangan yang diisytiharkan.

Kelayakan dan jumlah lebihan yang akan diagihkan adalah berasaskan kepada cadangan yang dibuat oleh Aktuari **Kami** Yang Bertanggungjawab dan diendors oleh Jawatankuasa Syariah dan Lembaga Pengarah.

PENGURUSAN JUMLAH KECIL

Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada kebajikan. Bagaimanapun, jika **Anda** membuat keputusan sebaliknya, **Anda** perlu mengemukakan permohonan formal kepada **Kami**. **Kami** mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah **Kami**.

PENTING

Orang Yang Dilindungi hendaklah membaca sijil induk ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau salah keterangan ditemui di dalam ini, atau jika perlindungan tidak mengikut kehendak **Orang Yang Dilindungi**, sila maklumkan kepada **Kami** dengan serta-merta dan sijil induk dipulangkan untuk perhatian **Kami**.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PROSEDUR UNTUK MEMBUAT ADUAN TAKAFUL

Sila semak sijil induk untuk memastikan ia memenuhi keperluan **Anda**.

Untuk mengelakkan salah faham, sijil induk, **Jadual Sijil**, **Sijil Takaful** dan sebarang pengendorsan yang dilampirkan di dalamnya hendaklah dibaca dengan teliti. Jika **Anda** mempunyai sebarang aduan atau rungutan berkaitan sijil induk, sila hubungi ejen **Kami**, jika ada atau hubungi pejabat pengeluaran **Kami**. **Kami** memberi jaminan bahawa aduan **Anda** akan diberi perhatian dengan segera. Sebagai syarikat takaful yang bertanggungjawab, **Kami** ingin memaklumkan **Anda** bahawa **Anda** juga boleh mengemukakan ketidakpuasan hati **Anda** kepada Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS) atau kepada Pusat Perhubungan (BNMLINK) dari Bank Negara Malaysia seperti yang disenaraikan di bawah.

Prosedur mengemukakan aduan kepada OFS

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan keputusan **Kami**, **Anda** boleh menulis surat kepada Pengantara dengan butir-butir mengenai pertikaian dan maklumat sijil induk ini.

Jika keputusan Pengantara memihak kepada **Anda** berbanding **Kami**, **Anda** dikehendaki memaklumkan Pengantara sama ada menerima atau menolak bayaran dalam tempoh (14) empat belas hari.

Jika **Anda** tidak setuju dengan bayaran tersebut, **Anda** boleh menolak keputusan Pengantara. **Anda** bebas untuk memulakan tindakan mahkamah terhadap **Kami** atau merujuk kes kepada Penimbangtaraan.

Anda boleh menghubungi **Kami** di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
Emel: callcentre@zurich.com.my

Anda boleh berhubung dengan OFS di:

Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (Dahulu dikenali sebagai Financial Mediation Bureau)
Level 14, Main Block, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Tel: 603-2272 2811 E-mel: enquiry@ofs.org.my Laman web: www.ofs.org.my

Prosedur mengemukakan aduan kepada Pusat Perhubungan (BNMLINK)

Sebagai alternatif, **Anda** juga boleh menyatakan ketidakpuasan hati terhadap pengendalian **Kami** dengan menulis surat kepada BNMLINK untuk memberikan butiran aduan dan maklumat sijil induk ini kepada:

Pusat Perhubungan (BNMLINK)

BNMLINK (Bank Negara Malaysia Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)

4th Floor, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465 (LINK) E-mel: bnmlink@bnm.com.my Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)
Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar,
KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000
Faks: 03-2109 6888
Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

ZURICH®



ZURICH®

The trademarks depicted are registered in the name of
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide.

Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB)

Group Personal Accident

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) Group Personal Accident. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat kontrak sijil induk.)

1. Apakah produk ini?

Produk ini menyediakan pampasan sekiranya berlaku sebarang kecederaan, hilang upaya atau kematian yang disebabkan oleh kejadian yang berlaku secara tiba-tiba, tidak dijangka dan secara kebetulan tanpa diduga di Malaysia.

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** Suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para peserta takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan bersama yang dibayar kepada peserta takaful atau waris-waris mereka apabila berlaku peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** Kontrak perwakilan di mana peserta melantik pengendali takaful untuk menguruskan caruman Takaful dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.
- **Tabarru':** Ia adalah caruman daripada peserta kepada Dana Takaful Am (DTA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat takaful.
- **Hibah:** Adalah hadiah. Dalam Takaful, kontrak Hibah juga boleh diguna pakai dalam transaksi lain seperti perkongsian lebihan, di mana manfaat Takaful akan diberikan kepada penama berasaskan Hibah Bersyarat.
- **Ju'alah:** Ia bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Takaful Am (DTA) di mana pengendali takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian Dana Takaful Am (DTA) pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Qard:** Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh pengendali takaful jika berlakunya defisit Dana Takaful Am (DTA).

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Manfaat	Keterangan Manfaat	Jumlah Yang Dilindungi (RM)
1	Kematian Akibat Kemalangan	130,000
2	Hilang Keupayaan Kekal Akibat Kemalangan	130,000
3	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	3,000
4	Yuran Ambulans	1,000
5	Kehilangan Barang Peribadi akibat Kecurian	1,000
6	Keguguran akibat kemalangan kenderaan bermotor	1,000

Nota:

- Sila rujuk kepada kontrak sijil untuk keterangan penuh atas manfaat, terma dan syarat yang terdapat dalam produk ini.
- Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Anda hendaklah memperbaharui perlindungan takaful anda setiap tahun.
- Had wilayah di Malaysia sahaja.

4. Berapakah caruman yang perlu saya bayar?

Jumlah caruman yang perlu anda buat bergantung kepada mod caruman yang telah anda pilih seperti berikut:

Mod Caruman	Tahunan (RM)	Bulanan (RM)
Caruman	36.00	3.50

Nota: 1. Caruman di atas adalah tidak termasuk 8% Cukai Perkhidmatan.

2. Caruman akan dibuat melalui potongan gaji anda untuk mod caruman bulanan.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis

- Yuran Wakalah

- Duti Setem
- *Cukai

Jumlah

43.5% daripada caruman

- Komisen – 25% daripada caruman (Contoh: jika caruman anda ialah RM 36, jumlah komisen ialah RM 9.00 (RM 36 x 25%))
- Perbelanjaan Pengurusan – 18.5% daripada caruman
- RM 10.00 atas sijil induk
- 8% daripada caruman

* Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

6. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya berikan perhatian?

- **Kepentingan pendedahan** - Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti kegiatan peribadi anda termasuk jenis pekerjaan yang boleh mempengaruhi profil risiko dan bilangan sijil kemalangan peribadi yang anda sertai daripada Pengendali Takaful lain.
- **Kaedah Caruman** – untuk mod caruman tahunan, caruman boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada kami. Untuk mod caruman bulanan, caruman boleh dibuat melalui potongan gaji.
- **Kepentingan penyimpanan resit dan Terma & Syarat Penting Lain:** Sila rujuk pautan ini: <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>
- **Kontrak Takaful Pengguna** - Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak.

takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Kontrak Takaful Bukan Pengguna** - Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda. Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa anda memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.
- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memulangkan sijil dalam tempoh lima belas (15) hari selepas anda menerimanya. Caruman yang telah anda buat akan dikembalikan kepada anda dengan syarat tiada tuntutan yang telah dibuat atas sijil.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** - Ia adalah syarat khas dan mutlak bagi kontrak takaful ini bahawa caruman yang perlu dibuat dan diterima oleh Kami sebelum perlindungan takaful bermula.
- **Prosedur Tuntutan** - Pemberitahuan melalui pemberitahuan web; <https://egms.zurich.com.my/claims> atau notis bertulis hendaklah diberikan dalam tempoh 14 hari selepas kejadian berlaku.
- **Kelayakan:**
 - Had Umur – lapan belas (18) tahun hingga tujuh puluh (70) tahun dan semua umur merujuk kepada umur Orang Yang Dilindungi pada hari lahir berikutnya.
 - Orang Yang Dilindungi mestilah ahli Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) yang berdaftar.
- **Pengurusan Jumlah Kecil** – Jumlah Kecil bermaksud sebarang jumlah kurang daripada Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) yang timbul dari lebihan caruman, pembatalan, perkongsian lebihan atau tuntutan yang akan dibuat selain melalui pembayaran elektronik. Jumlah Kecil akan disalurkan kepada kebajikan. Bagaimanapun, jika anda membuat keputusan sebaliknya, anda perlu mengemukakan permohonan formal kepada kami. Kami mungkin akan mengkaji semula kebolehlaksanaan jumlah kecil yang dinyatakan di atas dan sebarang pertukaran kepada jumlah tersebut akan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Syariah kami.

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil induk untuk senarai penuh terma dan syarat yang terdapat di dalam produk ini.

7. Apakah pengecualian utaman di dalam produk ini?

Produk ini tidak melindungi tuntutan yang disebabkan oleh kejadian yang berikut:

- Peperangan, Perang Saudara
- Keadaan Sedia Ada
- Bunuh Diri sama ada dalam keadaan siuman atau tidak siuman
- Pembunuhan atau serangan Disebabkan Provokasi
- Sebarang jenis perlumbaan selain daripada yang menggunakan kaki
- Radiasi, Nuklear

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak sijil induk untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di dalam produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil takaful ini?

Anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberi notis bertulis kepada kami dengan syarat anda tidak membuat tuntutan ke atas sijil takaful. Tarikh berkuatkuasa pembatalan adalah pada tarikh tamat tempoh pembayaran seterusnya dan tiada pembayaran balik akan dipulangkan.

9. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran maklumat/peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran maklumat / peribadi termasuk penamaan, pekerjaan dan maklumat diri yang akan mempengaruhi profil risiko. Anda boleh menulis kepada kami menerusi alamat di bawah atau emel kepada kami di callcentre@zurich.com.my.

10. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat lanjut berkenaan produk ini, sila rujuk kepada risalah maklumat takaful yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada ejen.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Aras 23A, Mercu 3,

No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,

59200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888

Pusat Panggilan: 1-300-888-622

Emel: callcentre@zurich.com.my

11. Jenis perlindungan Kemalangan Diri takaful lain yang disediakan:

Sila rujuk kepada ejen/ perunding anda untuk jenis produk yang sama yang ditawarkan oleh kami.

NOTA PENTING

ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGETAHUI SKALA MANFAAT BAGI KEMATIAN DAN KEHILANGAN UPAYA DI DALAM SIJIL INDUK TAKAFUL ANDA. ANDA BOLEH MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU BERKENAAN SIJIL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL INDUK TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang terkandung di dalam lembaran pendedahan produk ini sah mulai **7^{hb} Mei 2024** sehingga ulang kaji dikeluarkan.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Zurich General Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Nota: Sekiranya terdapat percanggahan, kekaburan dan konflik dalam mentafsirkan sebarang terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan menggantikan versi Bahasa Malaysia.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Aras 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

www.zurich.com.my

